

# KL mampu penuhi permintaan adakan sidang antarabangsa

UM 12 FEB 2005

KUALA LUMPUR 11 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin permintaan yang semakin meningkat untuk mengadakan mesyuarat dan persidangan antarabangsa di negara ini akan dapat dipenuhi dengan wujudnya lebih banyak pusat-pusat konvensyen di ibu negara.

Perdana Menteri berkata, Kuala Lumpur adalah bandar raya yang sedang berkembang pesat dan permintaan untuk kemudahan-kemudahan mengadakan mesyuarat, konvensyen dan pameran antarabangsa (MICE) juga kian meningkat.

“Sebenarnya tak cukup tempat. Banyak orang kena tangguhkan majlis mereka kerana tak dapat tempat, (jadi) saya tidak fikir ada lebihan (tempat).”

“Semua ini (kemudahan MICE) amat perlu,” kata beliau selepas merasmikan pelancaran pembangunan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di Hotel Mandarin Oriental, di sini hari ini.

Pusat Konvensyen Kuala Lumpur merupakan tambahan terbaru kepada kawasan pembangunan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (KLCC) untuk dijadikan lokasi penganjuran MICE, acara sukan dan majlis am.

Projek yang dimiliki oleh anak syarikat KLCC (Holdings) Bhd., Kuala Lumpur Convention Centre Sdn. Bhd. itu dijadualkan siap menjelang akhir 2004 dan akan mengadakan acara antarabangsa yang pertama pada Mei 2005.

Ia menawarkan sebuah dewan sidang dengan 3,000 tempat duduk, teater 500 tempat duduk, ruang pameran tanpa tiang seluas 10,000 meter persegi, dua dewan persidangan, sebuah dewan utama, sebuah dewan bankuet dan 19 bilik mesyuarat.

Pusat itu juga akan mempunyai Aquaria@KLCC yang mempamerkan lebih 3,000 spesies ikan tropika dalam sebuah akuarium berongga.

Menurut Perdana Menteri, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur merupakan satu kemudahan yang amat diperlukan di ibu negara sekarang kerana kesukaran mendapatkan tempat untuk mengadakan sesebuah majlis.

“Semua dewan di kebanyakan hotel di Kuala Lumpur disewa sepenuhnya sehingga kita terpaksa berbaris menunggu.

“Orang nak adakan (majlis) perkahwinan buat semua di hotel, tak semacam dulu buat di rumah, pasang khemah, sekarang buat di hotel,” kata beliau.

Dr. Mahathir berkata, dengan adanya Pusat Konvensyen ini yang dilengkapi banyak dewan, ia memudahkan orang ramai menjalankan aktiviti sosial dan komersial.

Menyentuh mengenai pembinaan pusat persidangan di Putrajaya, beliau berkata, ia adalah sebuah projek khusus untuk mesyuarat-mesyuarat peringkat antarabangsa dan ketua-ketua negara serta kakitangan sokongan.

“Ia bertujuan untuk menjalankan aktiviti yang berbeza. Lagipun, Putrajaya memerlukan pusat persidangannya sendiri kerana ia adalah pusat pentadbiran negara dan menerima banyak kunjungan pelawat asing di samping banyak menganjurkan mesyuarat peringkat antarabangsa,” kata beliau.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, ini tidak bererti fungsi Pusat Konvensyen Kuala Lumpur itu akan bertindih dengan kemudahan yang disediakan di Putrajaya.